

PENGLIBATAN MASYARAKAT SIAM KEDAH, PERLIS DAN PULAU PINANG DALAM PERSATUAN SOSIAL, 1959 -1996

Meri A/P Anad,
Azharudin Mohammed Dali
Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus*

Abstrak

Persatuan atau kelab ditubuhkan oleh sekumpulan orang tertentu dengan tujuan mencapai sesuatu matlamat melalui prinsip-prinsip perjuangan yang telah dipersetujui bersama.¹ Dari segi keahlian, anggota dalam persatuan tersebut biasanya terbatas kepada mereka yang mempunyai sesuatu persamaan, sama ada dari segi matlamat, minat dan kecenderungan, asal-usul tempat tinggal, keturunan ataupun hubungan kekeluargaan. Sebagai sebuah kelompok minoriti yang berhasrat untuk terus mengekalkan budaya dan cara hidup mereka, masyarakat Siam di Kedah secara sedar telah mewujudkan persatuan-persatuan tertentu bagi menjaga kepentingan mereka. Dalam tempoh masa 1959-1977, kerjasama dalam persatuan dalam kalangan orang Siam Kedah terbentuk dengan keahliannya yang terdiri daripada masyarakat Siam di negeri Kedah dan Perlis. Di Pulau Pinang pula, wujud sebuah Persatuan Siam yang dikenali sebagai *Persatuan Thai Malaysia* yang keahliannya turut dianggotai oleh masyarakat Siam di Malaysia dan Thailand di bawah pimpinan Mendiang Suk Buranakhon.² Pada awal tahun 1990, keahlian dalam kalangan dalam Persatuan Thai Kedah hanya terdiri daripada masyarakat Siam di Kedah sahaja. Pada tahun 1996, Persatuan Thai Kedah/ Perlis yang ditubuhkan oleh beberapa pemimpin masyarakat Thai di Kedah telah dibubarkan dan digantikan dengan Persatuan Siam Malaysia di mana keahliannya terbuka kepada semua masyarakat Siam di Malaysia. Secara keseluruhannya, perbincangan mengenai aspek persatuan sosial masyarakat Siam di Kedah akan memberikan perhatian kepada Persatuan Thai/Kedah Perlis, Persatuan Thai Malaysia dan Persatuan Belia Thai Malaysia. Kewujudan persatuan-persatuan ini memberi kesan besar kepada perkembangan sejarah sosial masyarakat Siam di Kedah kerana ia menjadi pusat utama aktiviti sosial.

Kata Kunci: Masyarakat Siam, Persatuan Thai Kedah /Perlis, PSM, Persatuan Thai Malaysia

* Meri a/p Anad merupakan calon PhD di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Dr. Azharudin Mohamed Dali dan Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 2004, hlm. 432.

2 Laporan Persatuan Thai Kedah Perlis, Tahun 1960

Pengenalan

Penyelidikan mengenai penyertaan masyarakat Siam dalam persatuan sosial di Malaysia belum pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini jika dibandingkan dengan penyelidikan terhadap bidang lain seperti antropologi dan sosiologi. Di Malaysia, kajian mengenai komuniti ini telah mula dilakukan oleh Muhammad Yusoff Ismail pada tahun 1998. Pada tahun 2018, pihak Kedutaan Diraja Thai di Malaysia dengan kerjasama sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya telah berjaya menghasilkan buku ilmiah mengenai masyarakat Siam di Malaysia. Sehingga kini, penyelidikan mengenai masyarakat Siam di Kelantan sering mendapat perhatian jika dibandingkan dengan masyarakat Siam di Kedah dan Perlis. Dalam penyelidikan ini, penulis akan menggunakan kedah kualitatif, peneyelidikan di arkib dan sumber-sumber kedua sama ada dalam bentuk buku, artikel dan sebagainya. Kajian dan penerbitan mengenai penglibatan masyarakat Siam di Kedah dan Perlis dalam aktiviti berpersatuan adalah penting kerana sumbangan dan peranan persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh masyarakat Siam di Kedah dan Perlis telah membawa kepada kejayaan masyarakat Siam dalam usaha menuntut hak mereka.

Etnik Siam atau Thai di Malaysia merupakan salah satu daripada etnik minoriti yang terdapat di Malaysia yang bertutur dalam bahasa Thai, mengamalkan adat Thai dan memegang status warganegara Malaysia. Dasar Malaysia yang memilih untuk menjalankan dasar integrasi nasional telah menyebabkan semua kaum di Malaysia dapat mengamalkan kebudayaan masing-masing seperti penggunaan bahasa ibunda dan penggunaan nama berasaskan etnik masing-masing berbanding negara lain seperti Thailand dan Indonesia yang memilih dasar asimilasi dalam pembangunan nasion telah membolehkan kaum minoriti seperti masyarakat Siam mengekalkan identiti masing-masing.

Sebelum tahun 2012, masyarakat Siam telahpun dianggap sebagai golongan bumiputera. Semasa zaman pemerintahan Tun Hussein Onn, masyarakat Siam di Malaysia mendapat hak untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional kerana dianggap sebagai golongan bumiputera. Dalam bidang pendidikan pula, sebelum tahun 2012, masyarakat Siam layak untuk melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara di seluruh negara. Mulai tahun 2012, orang Siam di Malaysia diiktiraf sebagai golongan bumiputera seperti masyarakat Melayu, orang asli, Portugis di Melaka, dan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak secara rasminya oleh kerajaan Malaysia. Sejak itu, hak masyarakat Siam mula mendapat perhatian serius dari pihak kerajaan. Sebagai kaum bumiputera, masyarakat Siam diberi hak untuk melabur dalam amanah Saham bumiputera dan mendapat pinjaman bumiputera seperti masyarakat bumiptera yang lain. Namun demikian, salah satu keistimewaan yang dimiliki oleh masyarakat Siam di Malaysia ialah dapat memiliki Tanah Rizab Melayu yang tidak dapat dimiliki oleh masyarakat bumiputera lain di Malaysia. Keistimewaan inilah dianggap sebagai sesuatu yang unik kerana masyarakat bumiputera lain tidak dapat memiliki Tanah Rizab Melayu. Status dan hak istimewa orang Siam di Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak dan Kedah termaktub dalam undang-undang tanah negeri sejak pengenalan Akta Tanah Simpanan Melayu oleh British lagi. Walau bagaimanapun, undang-undang Tanah Rizab Melayu adalah berbeza terhadap status pemilikan tanah orang Siam adalah berbeza di setiap negeri di Malaysia berikutan terdapat pembahagian kuasa dalam bidang pentadbiran di setiap negeri sejak tahun 1948. Misalnya di Kedah, masyarakat Siam harus memohon Sijil Pertanian Siam terlebih dahulu sebelum membuka tanah untuk pertanian. Namun, pihak kerajaan negeri Perak,

Kelantan dan Perlis pula tidak mengenakan syarat tersebut kepada masyarakat Siam yang di ketiga-tiga negeri tersebut. Di Perak pula, kerajaan Perak sejak sebelum kemerdekaan lagi telah melantik seorang penghulu bagi menguruskan hal ehwal masyarakat Siam yang tinggal di Mukim Belukar Semang. Perlantikan masyarakat Siam untuk menerajui kepimpinan di Mukim Belukar Semang sehingga ke hari ini telah menjadikan mukim tersebut adalah satu-satunya ditadbir oleh penghulu bukan Melayu di Malaysia sehingga kini. Dalam pengenalan diri pula, masyarakat Siam di Perak akan menggunakan nama Nai dan Nang pada nama sebagai pengenalan diri.

Di Pulau Pinang pula, orang Siam pula tidak memiliki Tanah Simpanan Melayu. Namun demikian, identiti kesiaman mereka masih dikekalkan melalui penggunaan bahasa Thai dalam pertuturan harian. Malah, kesemua mereka masih menganuti ajaran Buddha Theravada. Berbanding dengan masyarakat Siam di negeri lain, mereka tinggal di kawasan bandar. Masyarakat Siam di sini tinggal di kawasan bandar. Dalam pengenalan diri, masyarakat Siam di Pulau Pinang akan menggunakan nama keluarga sebagai pengenalan diri berbanding masyarakat negeri lain yang menggunakan a/p atau a/l sebagai pengenalan diri.

Sejarah Pembabitan Orang Siam di Perlis dalam Persatuan.

Kedudukan masyarakat Siam di Perlis sebagai golongan minoriti sebenarnya unik dan menarik. Seperti masyarakat Siam di Kedah, mereka menetap dalam kelompok mereka sendiri. Pola penempatan masyarakat Siam di Perlis adalah secara berkelompok. Nukleus bagi penempatan sesebuah kampung di Perlis ialah berkelompok Nukleus bagi penempatan sesebuah kampung di Perlis dikenali sebagai *ban yaai* (kampung besar).

Perkampungan kecil dan utama yang berdekatan ini dicantumkan sekali dan diletakkan di bawah bidang pengaruh seseorang ketua kampung. Sebagai contoh, Kampung Guar Musang dikategorikan sebagai *ban yaai* dengan sifatnya yang mempunyai ramai penduduk. Kampung Sengkla dan Kampung Jelutong yang lebih kecil pula dianggap sebagai *ban noi*. Di Kampung Jejawi pula, Kampung Sena dapat dianggap sebagai *baan yai* sementara Kampung Padang Pattani pula dianggap sebagai *ban noi* kerana jumlah penduduknya yang lebih sedikit. Dalam keadaan ini, kampung-kampung ini mempunyai system pentadbirannya yang tersendiri di mana ketua kampungnya sendiri terdiri daripada orang Siam itu sendiri.

Menjelang tahun 1970-an, muncullah golongan pemimpin kelas pertengahan dalam kalangan masyarakat Siam di Perlis. Mereka terdiri daripada golongan petani biasa atau menjawat jawatan dalam jabatan-jabatan akan menjadi orang tengah antara pemimpin masyarakat. Seorang bekas guru sebuah sekolah swasta dan pernah menjawat jawatan sebagai pegawai penerangan Luar (Bahagian Orang-Orang Siam) di Jabatan Penerangan Alor Setar / Kangar dan seorang petani yang pernah mendapat pendidikan sekolah menengah rendah Inggeris adalah dua orang pemimpin yang berkaliber dalam masyarakat Siam di Perlis. Tokoh yang kedua itu sebenarnya di samping seorang ketua kampung di Kampung Jejawi. beliau juga merupakan pembantu kepada pemimpin pertama.

Pegawai perhubungan luar itu sebenarnya sangat dihormati oleh masyarakat Siam di Perlis terutamanya golongan muda dan dewasa. Golongan tua sudah tidak aktif lagi dalam pergerakan masyarakat, jadi sebab itulah, golongan tua kurang mengenali golongan muda. Kemunculan golongan pemimpin kelas pertengahan ini tidak mengancam kedudukan

golongan pemimpin tradisional. Masalah-masalah yang berhubung dengan upacara keagamaan dan kebudayaan serta kerjasama di peringkat kampung diserahkan kepada ketua kampung. Pada peringkat ini, beliau sendiri yang akan menghubungi penduduk kampung, pemimpin-pemimpin pertengahan ini banyak bergantung kepada kerjasama ketua kampung di setiap kampung untuk menggerakkan masyarakatnya. Pemimpin-pemimpin dalam kategori ini terdiri daripada kaum tani dan sangat mengetahui tentang situasi yang dihadapi oleh anak-anak buahnya yang terdiri daripada kaum tadi juga. Pada peringkat kebangsaan, masyarakat Siam terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pemerintah yang dipilih kerana mereka langsung tidak mempunyai perwakilan. Ini kerana ia akan menimbulkan pelbagai masalah kuasa. Golongan elit di peringkat ini kurang memahami sistem nilai dan kehendak golongan minoriti ini. Pemimpin-pemimpin kelas ketiga ialah pemimpin yang mempunyai sifat pemimpin tempatan dan kebangsaan. Biasanya mereka ini tinggal bersama komuniti-komunitinya.

Kehadiran pegawai Penerangan Luar sebagai pemimpin masyarakat secara sukarela jua tidak membawa apa-apa konflik dengan insituti –institusi lain seperti ketua kampung dan penghulu. Ini kerana, beliau menggunakan saluran lain untuk berinteraksi dengan pemerintah. Dengan menggunakan kedudukannya sebagai pegawai perhubungan luar (Bahagian Orang-Orang Siam), beliau menyalurkan masalah-masalah itu melalui Pejabat Penerangan untuk tindakan pihak-pihak tertentu seperti Majlis Perpaduan Negara untuk tindakan pihak-pihak tertentu seperti Majlis Perpaduan Negara, Jabatan Pendaftaran Negara, Pejabat Tanah Negeri, Bilik Gerakan Negeri, Lembaga Persatuan Peladang, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain pihak yang berkenaan. Hubungan dari atas ke bawah pula biasanya disalurkan melalui pejabat penerangan yang dipanjangkan melalui Pegawai Perhubungan Luar untuk disampaikan kepada masyarakat Siam. Pada peringkat ini, di samping beliau sendiri yang menghubungi penduduk-penduduk kampung, pemimpin-pemimpin pertengahan ini banyak bergantung kepada kerjasama ketua kampung untuk menggerakkan masyarakatnya. Biasanya pemimpin dalam kategori ini mempunyai latar belakang yang sama dengan masyarakatnya. Oleh itu, mereka biasanya mempunyai pengetahuan yang agak mendalam tentang sistem nilai, kehendak dan masalah masyarakatnya. Sebahagiannya kerana pengalaman mereka tentang kehidupan masyarakatnya.

Persatuan Thai Kedah/Perlis

Persatuan Thai Kedah / Perlis merupakan persatuan sosial pertama yang ditubuhkan oleh masyarakat Siam di Malaysia. Persatuan ini ditubuhkan atas idea yang dicetuskan oleh Mendiang Phrak Winaithorn Chen dan dibantu oleh beberapa orang rakannya terutamanya Phrakthepmongkalayan (Kling Jithapalo). Hasilnya, wujudlah Persatuan Thai Kedah / Perlis pada tahun 1959. Phra Winaithorn Chen iaitu Timbalan Ketua Sami di Wat Bunyaram yang merasakan bahawa satu bentuk persatuan wajar diwujudkan bagi mengeratkan hubungan dan Bunyaram.³ Beliau dikatakan tidak bermaksud untuk menubuhkan sebuah persatuan yang begitu menyeluruh ahlinya. Ahli-ahli yang dimaksudkan ialah mereka yang pernah menjadi

3 Wat Bunyaram pada zaman dahulu ialah pusat pengajian agama Buddha yang terkenal. Kebanyakan pemuda Siam dari Kedah dan Perlis akan belajar agama Buddha di sini sebelum ditahbiskan menjadi sami.

penuntut ajaran Buddha di Wat Bunyaram berketurunan Siam di seluruh negeri Kedah.⁴ Namun, setelah cadangan itu dikemukakan kepada Ketua Sami Wat Bunyaram, Than Kling, cadangan ini kemudiannya dipinda. Atas sebab kedudukan geografi dan hubungan sosial yang terjalin sejak sekian lama, maka keahlian persatuan ini kemudiannya dibuka kepada masyarakat Siam di Negeri Perlis. Yuran keahlian ialah sebanyak enam ringgit dan yuran tahunan sebanyak enam ringgit. Mereka yang berumur 16 tahun ke atas sahaja yang dibenarkan untuk menjadi ahli tanpa mengira jantina dan tidak pernah melakukan jenayah dan bekas banduan. Terdapat dua jenis keahlian, iaitu keahlian seumur hidup dan keahlian biasa. Ahli seumur hidup terdiri daripada ahli-ahli biasa yang telah memberi sumbangan wang sebanyak RM150.00 kepada persatuan. Ahli terhormat terdiri daripada mereka yang dilantik. Lantikan yang dibuat adalah berdasarkan kepada pendapat dan cadangan ahli jawatankuasa. Salah satu aspek yang dinilai adalah tokoh tersebut dikatakan telah memberi perkhidmatan yang bernilai atau berharga kepada persatuan dan masyarakat Siam secara keseluruhannya. Namun demikian, sepanjang tempoh penubuhannya, masih belum terdapat mereka yang dilantik menjadi ahli kehormat atau ahli seumur hidup. Keanggotaannya hanya terdiri daripada ahli-ahli biasa saja. Atas sebab kedudukan geografi dan hubungan sosial yang terjalin sejak sekian lama, maka keahlian persatuan ini kemudiannya dibuka kepada masyarakat Siam di negeri Perlis.⁵

Phra Vinaithorn Chen telah melantik beberapa orang jawatankuasa yang terlibat dalam pentadbiran persatuan ini. Dari segi pentadbiran, persatuan ini diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada seorang yang dipertua, setiausaha, bendahari diikuti dengan sejumlah ahli jawatankuasa. Susunan ahli jawatankuasa pada tahun-tahun awal penubuhan ialah seperti berikut:

Penaung	: Kling Chulaphong
Yang Dipertua	: Yan Intrachat
Setiausaha	: Prak Yok S/O Nai Chong
Bendahari:	: Bait S/O Kong
Ahli-ahli Jawatankuasa	: Nai Chat S/O Nai Chong
	Nai Samden Krachang S/O Nai Thong
	Nai Praksong S/O Ding Geng
	En S/O Naum
	Dom S/O Din Keau.

Penubuhan persatuan ini dianggap sebagai sangat signifikan dalam konteks sejarah sosial masyarakat Siam di Kedah kerana buat pertama kalinya, masyarakat Siam dapat bersatu di bawah persatuan yang tersusun. Ini bermakna, masyarakat Siam di Kedah kini tidak lagi terumbang ambing dan mempunyai tempat untuk menyuarakan segala masalah mereka. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan persatuan ini adalah seperti berikut:

1. Menyatupadukan seluruh masyarakat Siam yang tinggal di negeri Kedah dan Perlis dalam sebuah badan yang tidak berunsur politik.

⁴ Temuramah dengan Nuam A/L Din Thong di Kampung Kubang Chenok, 5 November 2013.

⁵ Ibid.

2. Memajukan status kedudukan dan taraf kemajuan ahli-ahlinya dalam pelbagai bidang.
3. Mempertahankan tradisi-tradisi adat resam dan kebudayaan masyarakat Siam.
4. Menyediakan dan membantu ahli-ahlinya bekerjasama antara satu sama lain dalam perkara yang berkaitan dengan kebajikan umum.
5. Mengadakan dan mempertahankan hubungan harmoni yang telah wujud di antara masyarakat Siam dengan anggota masyarakat yang lainnya dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kepentingan umum.

Ahli-ahli jawatankuasa persatuan dilantik setiap tahun pada setiap kali mesyuarat agungnya yang diadakan pada bulan Januari di Wat Bunyaram, Padang Sera Kedah. Ahli jawatankuasa akan hilang keanggotaannya jika ia meninggal dunia atau tidak menghadiri mesyuarat sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa memberikan sebab yang munasabah. Semasa Yan Intrachat menjadi Yang Dipertua Persatuan Thai Kedah/ Perlis, beliau telah banyak memberikan tumpuan terhadap aspek pendidikan. Beliau telah menubuhkan sebuah perpustakaan di Alor Setar untuk menyediakan kemudahan pinjaman buku teks kepada anak-anak Siam yang kurang berkemampuan dalam bidang pendidikan ketika itu dengan modal yang diperolehi daripada Ketua Sami Wat Bunyaram dan wang Persatuan Thai Kedah/Perlis. Selain itu, beliau juga turut mengedarkan buku-buku teks secara percuma kepada para pelajar yang tinggal di sekitar Baling dan Alor Setar. Sehingga kini, kebanyakan golongan kelas menengah Siam yang tinggal di Kedah dan Perlis pernah mendapat bantuan yang disalurkan oleh beliau ketika itu.

Namun demikian, perjalanan persatuan ini tidak sunyi daripada masalah kerana usaha-usaha yang dibuat oleh persatuan tidaklah mendapat sokongan penuh dari masyarakat Siam. Ini kerana masyarakat Siam didapati masih tidak memahami sepenuhnya faedah yang akan diperolehi dari usaha-usaha tersebut. Sebahagian anggota masyarakat Siam agak skeptikal dan turut mengkritik usaha-usaha ini. Tambahan pula, mereka mengharapkan sebuah persatuan yang boleh membantu menyelesaikan semua masalah mereka. Malahan, pembabitan anggota-anggota persatuan juga dilihat agak terhad dan sangat bergantung kepada individu-individu tertentu sahaja. Dalam keadaan inilah, Yan Intrachat terpaksa melakukan berbagai tugas. Selain tugas hakiki sebagai pengerusi, beliau juga turut bertindak sebagai setiausaha dan bendahari bagi memastikan kelancaran dan perjalanan persatuan ini. Beliau juga memastikan agar setiap jawatankuasa yang dilantik dapat menjalankan tanggung jawab masing-masing.

Sumbangan Yan Intrachat dalam sejarah sosial dan persatuan masyarakat Siam di Kedah sangatlah besar. Kesanggupan beliau untuk menjalankan tanggung jawab dalam persatuan meskipun mendapat dokongan yang kecil telah membolehkan persatuan ini bergerak. Dalam masa yang sama, Yan Intrachat berdiri sebagai tokoh masyarakat Siam yang sangat berpengaruh ketika itu. Sekitar tahun 1960-an, Yan Intrachat telah banyak membantu Tun Dr Mahathir berkempen semasa Tun Dr Mahathir masih lagi menjadi ahli parlimen Kawasan Kubang Pasu (dahulunya dikenali dengan nama Parlimen Kedah Barat). Kekalahan tipis Tun Mahathir dalam Pilihanraya Umum 1969 tidak mematahkan semangat Yan Intrachat untuk terus setia kepada beliau. Beliau juga telah banyak membantu Tun Dr Mahathir untuk merampas kembali kerusi Parlimen Kedah Barat dalam Pilihanraya Umum 1969 dan seterusnya diterima semula sebagai ahli UMNO. Mengenangkan jasa-jasanya itu,

beliau telah dikurniakan dengan pingat Jaksa Pendamai (JP) oleh Sultan Kedah.⁶ Malah sehingga ke hari ini, keluarga Intrachat merupakan keluarga yang sangat berpengaruh dalam bidang sosial dan politik masyarakat Siam di Kedah. Selepas beliau meninggal dunia, pucuk pimpinan pesatuan ini diambil alih oleh beberapa orang pemimpin, antaranya ialah Encik Loy Somchit, Nai Samrong, Khun Phong A/L Khun Phoon, Nee Chin S/O Sok, dan juga Edin Chok S/O Edin Proot.

Menjelang akhir tahun 1960, Persatuan Thai Kedah-Perlis mendapat nama yang baik dan dikenali sebagai sebuah persatuan yang aktif di Kedah kerana peranannya sebagai sebuah pertubuhan yang mewakili orang Siam dalam majlis-majlis rasmi. Antaranya, persatuan ini telah terbabit dalam majlis Hari Kemerdekaan Malaysia dan Hari Keputeraan Sultan Kedah. Persatuan ini telah mengadakan persembahan tarian masyarakat Siam. Selain itu, persatuan ini juga telah berusaha untuk mengadakan kelas khas bagi ahli-ahlinya di mana kelas-kelas itu akan menerangkan tentang peranan yang harus dilakukan oleh mereka sebagai rakyat Malaysia. Perkara ini penting kerana berlakunya perubahan antara Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan pada 1957 dengan kelahiran Malaysia pada 1963. Latar belakang perubahan dan kelahiran Malaysia ini diperjelaskan kepada masyarakat Siam agar mereka dapat memahami dan seterusnya menekuni perubahan tersebut.

Atas nama Persatuan Thai Kedah/Perlis, ahli-ahli persatuan dikehendaki menyokong kerajaan yang memerintah. Tindakan ini dilakukan kerana adanya kebimbangan dalam kalangan pemimpin masyarakat Siam mengenai realiti semasa. Ini kerana, terdapat kalangan masyarakat Siam di Kedah yang didapati masih menumpukan taat setia kepada kerajaan Bangkok. Hal ini berlaku kerana kebanyakan masyarakat Siam di Kedah ketika itu tidak mengikuti serta mengetahui perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara ini. Permasalahan timbul kerana mereka bukan sahaja tidak mengikuti pemberitahuan dan maklumat yang disebarkan melalui radio tempatan, malah kelemahan menguasai Bahasa Melayu turut menjadi faktor penting. Malahan, kehidupan mereka yang berada dalam lingkungan kalangan masyarakat Siam sahaja turut menimbulkan masalah tersendiri. Kajian tentang perkara ini pernah dilakukan oleh Nee Chin A/L Sok, bekas pegawai penerangan berbangsa Siam yang berpendidikan Inggeris ketika itu. Beliau telah mengemukakan kepada pihak kerajaan supaya rancangan siaran daerah dalam Bahasa Thai diadakan. Beliau pernah mencadangkan perkara ini dalam satu laporan yang dikenali sebagai Laporan Khas Mengenai Masyarakat Thai dan Sebaran Am yang diterbitkan pada bulan Julai 1974.⁷

Dalam bidang ekonomi, persatuan ini telah mendesak masyarakat Siam ketika itu untuk menyertai rancangan pembangunan kerajaan dalam bidang penanaman padi dan getah. Hasil usaha persatuan ini juga, tertubuhlah Persatuan Kaum Tani Thai Kedah yang dipimpin oleh Khun Phong A/L Khun Poon. Pertubuhan ini secara langsung telah menjadi penghubung dengan pihak kerajaan untuk menyuarakan masalah mereka ke peringkat pusat.

Terdapat beberapa sebab mengapa Persatuan Thai Kedah /Perlis tidak dapat menjalankan kegiatannya dengan lebih berkesan. Sebab yang paling jelas ialah kelemahan dalam pentadbirannya. Kepimpinan persatuan ini dikatakan terlalu bergantung kepada satu

6 Thamrongsak Ayutwattana, *Khonthai Nai Malaysia* (Orang Siam di Malaysia), Bangkok: Bannakit Press, 1974, hlm. 233.

7 Asiah Othman, "Masyarakat Thai Kedah 1900-1960-an: Satu Penelitian dari Aspek Sosial, Ekonomi dan Kegiatan Berpersatuan", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1976, hlm. 31.

tenaga sahaja manakala ahli-ahlinya kurang bekerja keras. Selepas tahun 1969, nama persatuan ini hampir lenyap. Faktor kesihatan Yan Intrachat juga mendorong kepada kemerosotan persatuan ini. Selepas beliau meninggal dunia, pentadbiran persatuan ini agak lemah berikutan ketiadaan pemimpin yang berkaliber untuk memimpin persatuan ini. Tambahan pula, masyarakat Siam di Kedah ketika itu belum memahami kepentingan persatuan sosial untuk mereka. Faktor geografi juga turut menjadi sebab mengapa persatuan ini tidak popular dalam kalangan orang Siam Kedah ketika itu. Kawasan penempatan masyarakat Siam yang masih mundur ketika itu menyebabkan maklumat mengenai persatuan ini tidak dapat disampaikan kepada mereka yang masih tinggal di kampung-kampung. Akibatnya, hanya sebilangan masyarakat Siam yang tinggal di kawasan bandar sahaja iaitu dari kawasan sekitar Jitra, Baling dan Perlis sahaja yang dapat mengetahui tentang aktiviti persatuan ini.

Meskipun melalui cabaran yang besar terutama dalam mengubah persepsi anggota masyarakat mengenai peranan persatuan, namun dalam tempoh 1959-1969, keahlian persatuan ini mencapai 700 orang. Jumlah ini merupakan jumlah yang boleh dibanggakan kerana membayangkan bahawa persatuan ini diterima sebagai antara badan yang mampu memberikan bantuan dalam kalangan masyarakat Siam serta menjadi penghubung masyarakat ini dengan badan-badan lain termasuklah dengan pihak kerajaan. Menjelang tahun 1990, pucuk pimpinan Persatuan Siam Thai / Perlis telah diambil alih oleh Edin Chok a/l Edin Prot. Nama persatuan ini telah diubah menjadi Persatuan Siam Kedah.⁸ Pusat kegiatan persatuan ini ialah Wat Kampung Titi Akar, Pendang Kedah. Berikut ialah senarai nama jawatankuasa yang terlibat dalam pentadbiran Persatuan Siam Kedah semasa tahun 1990-an:

Pengerusi	:	Edin Chok a/l Edin Prot
Setiausaha	:	Uam a/l Tong Jim
Bendahari	:	Ai Phen a/l Chai

Berbeza dengan Persatuan Thai Kedah /Perlis sebelum ini, keahlian persatuan ini hanya tertumpu kepada orang Siam di sekitar negeri Kedah sahaja. Yuran pendaftaran dan keahlian persatuan ini ialah sebanyak RM6 setahun. Syarat-syarat untuk menjadi ahli persatuan ini ialah :

- i) Orang Siam Kedah yang beragama Buddha
- ii) Berumur 16 tahun ke atas.

Dari tempoh 1993 sehingga tahun 1996, persatuan ini aktif menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan dengan pendidikan agama Buddha dalam kalangan masyarakat Siam di Kedah. Pada 3 April 1993, persatuan ini telah menjadi tuan rumah dalam penganjuran Majlis Perjumpaan Masyarakat Thai bersama bekas Timbalan Perdana Menteri di Kampung Titi Akar pada 3 April 1993.

Kejayaan terbesar Persatuan Siam Kedah adalah Berjaya mengemukakan petisyen kepada pihak kerajaan untuk kesejahteraan masyarakat Siam di Malaysia. Antara tuntutan yang dikemukakan kepada pihak kerajaan ketika itu ialah: mengenai staus pemilikan tanah

8 Temuramah dengan Edin Chok S/O Edin Prot di Kampung Cina, Pendang, Kedah, 8 Ogos 2013.

masyarakat Siam di Malaysia, status kerakyatan dan kewarganegaraan Malaysia, peluang untuk melanjutkan pelajaran oleh anak-anak Siam di Malaysia, masalah perkampungan orang Siam yang masih tidak mendapat kemudahan asas, peluang untuk orang-orang Siam menyertai rancangan FELDA, FELCRA dan projek-projek kerajaan untuk meningkatkan taraf sosio rakyat dan permohonan untuk pihak kerajaan supaya pihak kerajaan melantik ahli majlis tempatan, daerah ataupun bandaran dan juga ahli Dewan Negara bagi mewakili masyarakat Siam di Malaysia.⁹ Tuntutan yang pernah disuarakan oleh persatuan ini telah membawa kepada pelantikan Senator Dato' Charern Intrachat, bekas Pengarah Kastam Negeri Kedah sebagai Ahli Dewan Negara bagi mewakili Masyarakat Siam di Malaysia pada 4 Januari 1996.

Persatuan Thai Malaysia

Kemalapan Persatuan Thai Kedah-Perlis ini telah menyebabkan ada sebahagian anggota masyarakat Siam merasakan satu persatuan lain perlu diwujudkan. Bersandarkan kepada keadaan ini, maka pada tahun 1971, Persatuan Thai Malaysia telah ditubuhkan. Tokoh penting di sebalik kewujudan persatuan ini adalah Encik Suk Buranakhon.¹⁰ Persatuan ini beribu pejabat di No. 17, Jln Bintang, Pettes Park, Pulau Pinang didaftarkan pada tahun 21 September 1976.¹¹ Keahliannya terdiri daripada masyarakat Siam Malaysia yang kebanyakannya bekerja di Pulau Pinang terutamanya pegawai-pegawai kerajaan seperti guru, kerani dan sebahagiannya terdiri daripada mahasiswa universiti. Walau bagaimanapun, tidak banyak maklumat yang dapat diperolehi mengenai aktiviti persatuan ini, dan setakat manakah pengaruhnya di Kedah. Ini kerana, fokusnya yang agak berlebih-lebihan di Pulau Pinang itu mungkin sedikit sebanyak menjejaskan kedudukan persatuan ini dari kaca mata penduduk.

Persatuan Thai Pulau Pinang telah didaftarkan pada tahun 1975. Keahliannya terdiri daripada masyarakat Siam Malaysia yang kebanyakannya bekerja di Pulau Pinang terutamanya pegawai-pegawai kerajaan seperti guru, kerani dan sebahagiannya terdiri daripada mahasiswa universiti. Walau bagaimanapun, tidak banyak maklumat yang dapat diperolehi mengenai aktiviti persatuan ini, dan setakat manakah pengaruhnya di Kedah. Ini kerana fokusnya yang agak berlebih-lebihan di Pulau Pinang itu mungkin sedikit sebanyak menjejaskan kedudukan persatuan ini dari kaca mata penduduk Siam di Kedah.

Jawatankuasa Khairat Kematian Masyarakat Siam Perlis dan Jawatankuasa Masyarakat Thai Negeri Perlis

Selain persatuan-persatuan tersebut, masyarakat Siam turut terlibat dalam pelbagai jawatankuasa sosial seperti Jawatankuasa Khairat Kematian dan Jawatankuasa Masyarakat Thai Negeri Perlis.

9 Memorandum Permasalahan Masyarakat Thai di Malaysia, 3 April 1994.

10 Temuramah dengan Encik Siri Neng Buah, di Wat Buddhayanti, Cheras, Kuala Lumpur, 24 Mac 2013

11 PPM-001-02-21091976, Fail Ros, Pejabat Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan di negeri Kedah.

Dalam komuniti Siam di Perlis sehingga tahun 1976, hanya sebuah organisasi yang yang didaftarkan dengan kerajaan iaitu Jawatankuasa Khairat Kematian “ *Funeral Fund*” yang ditubuhkan pada tahun 1976 untuk mengutip derma untuk membantu keluarga ahli-ahlinya seperti menyiapkan perkakas-perkakas upacara pengkebumian, menguruskan upacara kematian dan sebagainya.¹²

Jawatankuasa Masyarakat Thai Negeri Perlis ini ditubuhkan atas inisiatif kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negeri. Tujuannya ialah untuk membantu kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan pembangunan negeri.¹³ Pegawai Perhubungan Luar dari Jabatan Penerangan itu yang telah dilantik untuk menjadi pemimpin persatuan ini.¹⁴ Persatuan ini dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *The Thai Association of Kedah and Perlis* atau *Kedah -Perlis Association*. Organisasi ini telah ditubuhkan di Wat Bunyaram , Padang Sera , Kedah pada tahun 1959.¹⁵ Berikut adalah objektif penubuhan persatuan ini:

- i) Untuk menyatukan orang-orang Siam yang bermastautin di negeri Kedah dan Perlis dalam sebuah badan bukan politik.
- ii) Meningkatkan status , kedudukan dan kemajuan ahli-ahli dalam berbagai-bagai lapangan.
- iii) Untuk mengekalkan tradisi , adat resam dan kebudayaan komuniti siam.
- iv) Untuk menyediakan dan membantu ali-ahli secara kerjasama dalam hal-hal yang bersangkutan paut dengan kebajikan umum.
- v) Untuk mengekalkan hubungan baik dan harmoni antara orang-orang Siam.

Kemunculan golongan pemimpin kelas pertengahan ini tidak mengancam kedudukan golongan pemimpin tradisional. Masalah-masalah yang berhubung dengan upacara keagamaan dan kebudayaan serta kerjasama di peringkat kampung diserahkan kepada ketua kampung. Pada peringkat ini , beliau sendiri yang akan menghubungi penduduk kampung, pemimpin-pemimpin pertengahan ini banyak bergantung kepada kerjasama ketua kampung di setiap kampung untuk menggerakkan masyarakatnya. Pemimpin-pemimpin dalam kategori terdiri daripada kaum tani dan sangat mengetahui tentang situasi yang dihadapi oleh anak-anak buahnya yang terdiri daripada kaum tadi juga. Pada peringkat kebangsaan , masyarakat Siam terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pemerintah yang dipilih kerana mereka langsung tidak mempunyai perwakilan. Ini kerana ia akan menimbulkan pelbagai masalah kuasa.

Persatuan Masyarakat Thai Perlis

Persatuan Masyarakat Thai Perlis telah ditubuhkan pada tahun 1990. Keahliannya terdiri daripada masyarakat Siam di negeri Perlis sahaja. Berikut adalah senarai jawatankuasa Persatuan Masyarakat Thai/ Siam Perlis pada tahun 1990:

12 Menti Abdullah, “Penyertaan dan Pimpinan Politik Komuniti Siam di Perlis : Satu Kajian Kes di Kampung Guar Musang dan Kampung Jejawi , Perlis”, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia , 1977/1978, hlm. 79.

13 Ibid.

14 Ibid.

15 Ibid., hlm. 94.

Pengerusi	: Chon A/L Wan
Naib Pengerusi	: Siew Chun A/P Eam
Setiausaha	: Pin A/L Endin Klap
Bendahari	: Nee Chin A/L Suk

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah untuk menjaga kebajikan ahli dan masyarakat berketurunan Siam di Perlis. Bagi memudahkan perhubungan persatuan ini dengan masyarakat Siam di Perlis, terdapat 12 orang ahli jawatankuasa lain yang dilantik untuk mewakili masyarakat Siam di perkampungan yang didiami oleh masyarakat Siam.¹⁶ Menjelang tahun 1990 an, pertubuhan ini dianggotai oleh kira-kira 250 ahli yang terdiri daripada masyarakat Siam dari seluruh negeri Perlis.¹⁷ Pertubuhan ini seringkali mewakili masyarakat Siam dalam segala urusan dengan kerajaan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat Siam di Kedah dan Perlis telahpun mempunyai semangat untuk menubuhkan persatuan telah wujud selepas kemerdekaan lagi. Dalam kalangan masyarakat Siam di Malaysia, masyarakat Siam di Kedah dan Perlislah yang merupakan komuniti awal dalam masyarakat Siam yang paling awal menubuhkan persatuan. Pada peringkat awal, golongan sami yang mencetuskan idea untuk menubuhkan persatuan berikutan penghormatan tinggi yang diberikan oleh masyarakat Siam kepada golongan sami. Namun demikian, peningkatan tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat Siam telah membolehkan beberapa pemimpin awal komuniti ini memimpin sendiri persatuan yang dianggotai oleh masyarakat mereka sendiri. Dari segi penyertaan, masyarakat Siam di Kedah dan Perlis turut menyertai persatuan yang sama berikutan kedudukan geografi yang berdekatan. Namun demikian, menjelang tahun 1990, masyarakat Siam mulai menubuhkan persatuan yang bersifat kenegerian berikutan keperluan semasa. Penubuhan Persatuan Siam Malaysia pada tahun 1996 telah mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Siam di Malaysia kerana melalui persatuan ini, masyarakat Siam di Malaysia dapat bersatu di bawah satu persatuan yang mewakili mereka. Pada masa kini, kesemua persatuan yang telah ditubuhkan masih menjalankan tanggungjawab mereka untuk menjaga kebajikan masyarakat Siam di Malaysia.

16 Temuramah dengan Pin a/l Endin Klap, bekas setiausaha Persatuan Masyarakat Thai Perlis, di kediamannya di Bukit Keteri pada 19 Disember 2016.

17 *Warisan Indera Kayangan* Bil.5, 1993.